

Penginapan bagi keluarga pesakit Kementerian peruntuk **RM1** Oj

Oleh Yooga Rani Murugiah

BH 15 APR 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kerajaan akan memperuntukkan RM10 juta dalam Rancangan Malaysia ke-8 (RM-8) bermula tahun depan, bagi membiayai penginapan dan kos perbelanjaan penduduk kampung yang terpaksa menjaga keluarga atau anak yang mendapat rawatan di hospital bandar.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Suleiman Mohamad berkata, Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin pada dasarnya bersejua memberi peruntukan besar itu.

Beliau bagaimanapun berkata, Kementerian Kewa-

ngan dan kementeriannya akan mengadakan mesyuarat lanjut bagi membuat perancangan dan membincangkan perkara itu secara lebih mendalam.

Pada sidang akhbar selepas merasmikan pelancaran buku panduan Penyakit Parkinson yang pertama dalam bahasa Melayu di sini, hari ini, projek perintis itu dijangka dilaksanakan di Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Selayang dalam RM-8.

“Kerajaan amat prihatin terhadap kesusahan golongan berpendapatan rendah untuk melawat saudara mara yang dimasukkan ke hospital di

bandar yang terletak jauh dari kampung mereka.

“Mereka terpaksa mendaparkan tempat tinggal atau penginapan sementara apabila terpaksa tinggal beberapa hari di ibu kota,” katanya.

Beliau berkata, jika asrama tidak disediakan, sudah tentu mereka terpaksa mengeluarkan banyak perbelanjaan untuk tinggal di hotel atau tempat penginapan lain.

“Kerajaan mengambil berat kebajikan golongan itu selaras usaha mewujudkan masyarakat penyayang seperti yang sering dilaungkan Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad.” katanya.

Katanya, kerajaan juga bercadang menambah ahli lembaga pelawat hospital kira-kira 17 hingga 19 orang bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pesakit di hospital.

Mengenai buku panduan yang dilancarkan Yayasan Kebangsaan Parkinson Malaysia sempena sambutan Hari Parkinson Sedunia, beliau berkata, ia memang bertepatan dengan dasar kerajaan bagi membantu pesakit seperti Parkinson.

“Buku panduan itu memang bermanfaat kepada semua golongan masyarakat kerana

sehingga kini belum ada penerbitan buku panduan penyakit Parkinson dalam penterjemahan bahasa Melayu selaku Bahasa Kebangsaan.

“Ia sekali gus dapat mem-

pertingkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam bidang perubatan selaras Visi Penerbitan menjelang tahun 2000,” katanya pada majlis itu.

Turut hadir Presiden Ya-

yasan Kebangsaan Parkinson Malaysia (NPFM), Datuk Dr J P Tan dan Pengerusi Kumpulan Tanjung Balai Sdn Bhd, Datuk Hamzah Abdul Rahman.